



NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA
No. Sebut Harga : **PPj/JL/SH(S)/0002/2024**

Tajuk Sebut Harga :

KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENAIKTARAF GELANGGANG SEPAK TAKRAW UNTUK PERSATUAN SEPAK TAKRAW PUTRAJAYA DI PRESINT 18, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor/Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di bawah kod bidang Gred : **G1, Kategori CE - Pengkhususan CE21 – (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut di atas.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **27 Februari 2024 (Selasa)**, jam **2:30 petang** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras D5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat** atau **pegawai syarikat** yang ditauliahkan dalam **SPKK** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **SPKK** dan **STB** serta **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli bermula **27 Februari 2024 (Selasa)**, hingga **1 Mac 2024 (Jumaat)** oleh wakil Kontraktor/Syarikat yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM10.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **SPKK** dan **satu (1) Salinan Sijil PPK dan SPKK**.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti yang tertera di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **8 Mac 2024 (Jumaat)**.
6. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(LAr.HASLINDA BINTI KHALID)

Naib Presiden
Jabatan Landskap Dan Taman
Perbadanan Putrajaya